A **Azizah Zainuddin (menuntut sebagai balu orang tanggungan sah Kamaruddin bin Abas, si mati) lwn Krishnasamy a/l Munisamy dan satu lagi**

B MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN NO MT2–12–4 TAHUN 1998
ABU SAMAH NORDIN H
22 FEBRUARY 2003

C *Tort — Ganti Rugi (Kecederaan Peribadi atau Kematian) — Kemalangan maut — Tanggungan — Tuntutan isteri yang baru kahwin beberapa jam — Sama ada isteri menerima bantuan kewangan — Sama ada isteri patut membuktikan ia telah menerima bantuan kewangan daripada si mati sebelum kematiannya — Akta Undang-Undang Sivil 1956 s 7*

D

Beberapa jam selepas perkahwinan perayu dengan suaminya, suaminya telah meninggal dunia di dalam satu kemalangan jalanraya. Perayu membawa tindakan ini terhadap responden-responden di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956, s 7 ('Akta tersebut) bagi menuntut ganti rugi am kerana kehilangan tanggungan, ganti rugi
E khas dan ganti rugi kerana kedukacitaan. Hakim mahkamah sesyen telah mendapati responden 100% bertanggungan dan membenarkan ganti rugi kerana kedukacitaan sebanyak RM10,000 berserta dengan faedah dan kos tetapi menolak tuntutan perayu terhadap ganti rugi am bagi kehilangan tanggungan atas alasan bahawa perayu gagal membuktikan bahawa ia telah mengalami kehilangan tanggungan kewangan sebagai
F isteri. Ini kerana tidak ada keterangan bahawa perayu ada menerima apa-apa sumbangan daripada suaminya selepas mereka berkahwin. Rayuan ini adalah terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang menolak tuntutan ganti rugi bagi kehilangan tanggungan sahaja. Isunya ialah sama ada plaintif di bawah s 7 Akta tersebut boleh menuntut ganti rugi bagi kehilangan tanggungan kewangan jika ia tidak ada menerima bantuan kewangan daripada si mati sebelum kematiannya.

G

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu:

(1) Di dalam kes ini terdapat keterangan dokumentari yang menunjukkan perayu
H ada menerima bantuan kewangan semasa perkahwinan, yang mana pihak-pihak telah terlepas pandang iaitu 'mas kahwin' yang tercatat di dalam sijil perkahwinan perayu (lihat perenggan 22).

(2) Tidak ada pra-syarat di dalam s 7 Akta tersebut yang menyatakan bahawa seseorang orang tanggungan yang layak menuntut ganti rugi bagi kehilangan
I tanggungan hendaklah membuktikan bahawa ia telah menerima bantuan kewangan daripada si mati, sebelum kematiannya. Amaun yang diterima oleh perayu, jika ada, selepas menjadi orang tanggungan sebelum kematian suaminya, hanyalah relevan bagi tujuan taksiran ganti rugi sahaja. Bagaimanapun seseorang orang tanggungan itu tidak berhak secara automatik untuk mendapat ganti rugi bagi kehilangan tanggungan berikutan dengan

kematian si mati, semata-mata kerana wujudnya hubungan kekeluargaan di antara suami dengan isteri, atau ibubapa dengan anak (lihat perenggan 29).

(3) Pada lazimnya, seseorang yang telah berkahwin dan mempunyai tanggungjawab langsung kepada isterinya, akan mengubah gaya hidupnya dan merancang semula perbelanjaannya sesuai dengan pendapatan dan tanggungjawabnya yang baru. Ini bermakna corak perbelanjaan si mati (jika ia hidup) akan berubah (lihat perenggan 39).

[English summary

passed away in a road accident. The apellant brings this action against the respondents under s 7 of the Civil Law Act 1956 ('the Act') to claim general damages for loss of dependency, special damages and damages for bereavement. The sessions court judge found the respondent 100% liable and allowed the damages for bereavement in the sum of RM10,000 together with interest and cost but rejected the appellant's claim for ganeral damages for loss of dependency for the simple reason that the appellant failed to prove financial loss of dependency as the wife.This is because there was no evidence to show that the appellant received any contribution from the deceased after marriage. This appeal is against the sessions court judge's decision which rejected the loss of dependency claim only. The issue is whether the plaintiff under s 7 of the said act can claim damages for financial loss of dependency if the plaintiff did not receive such help from the deceased before marriage.]

Held, allowing the appellant's appeal:

(1) In this case, there exist an evidential documentary to show that the appellant did receive financial help during marriage whereby parties overlooked 'marriage dowry' written in the appellant's marriage certificate(see para 22).

(2) There are no pre-conditions in s 7 of the said act which states that a dependent who is suitable to claim damages for loss of dependency must prove that financial help has been received from the deceased before marriage. The amount received by the appellant, if exist, after being a dependent but before the death of the deceased is only relevant for the assessment of damages purposes. However, a dependant has no automatic right to claim damages for loss of dependency following the death of the deceased for the very reason there exist family relationship between husband and wife or parents and children (see para 29).

(3) Usually a person who is married and has a responsibility directly towards his wife will change his lifestyle and plan his expenditure to suit his income and new responsibility. This means the deceased life expenditure (if alive) will change (see para 39).

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai tanggungan, lihat *Mallal's Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan 343–374.

Kes-kes yang dirujuk

Chan Chin Ming & Anor v Lim Yoke Eng [1994] 3 MLJ 233 (dirujuk)
Muhamad bin Hashim v Teow Teik Chai & Anor [1996] 4 MLJ 7 (dirujuk)
Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Bhd v Transport Workers Union [1995] 2 MLJ 317 (dirujuk)
Sykes v North Eastern Ry Co 32 LT 199; 36 Digest (Repl) 212, 1117 (dirujuk)
Yap Ami & Anor v Tan Hui Pang [1982] 2 MLJ 316 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Undang-Undang Sivil 1956 s 7

Rayuan daripada: Guaman Sivil No 53–125 tahun 1996 (Mahkamah Sesyen, Klang)

SS Muker (Lovelace & Hastings) bagi pihak perayu/plaintif.
J Geetha (Matthew Thomas & Co) bagi pihak responden/defendan.

Abu Samah Nordin H:

[1] Ini adalah satu kes yang amat malang. Perayu telah berkahwin dengan suaminya Kamaruddin bin Abas pada 7 Februari 1994 jam lebih kurang 12.00 tengahari. Beberapa jam kemudian suaminya telah meninggal dunia di dalam satu kemalangan jalanraya di antara kereta No BCQ 73 yang dipandu oleh suaminya dengan sebuah lori No BAN 3583 yang dipandu oleh responden pertama. Kemalangan ini berlaku di Parit 9, Pasir Panjang, Sekinchan Selangor pada 8 Februari 1994 jam lebih kurang 7.00 pagi. Suami perayu meninggal di tempat kejadian.

[2] Perayu membawa tindakan ini terhadap responden-responden di bawah s 7 Akta Undang-Undang Sivil 1956 ('Akta tersebut') bagi menuntut ganti rugi am kerana kehilangan tanggungan, ganti rugi khas dan ganti rugi kerana kedukacitaan.

[3] Hakim mahkamah sesyen telah mendapati responden 100% bertanggungan dan membenarkan ganti rugi kerana kedukacitaan sebanyak RM10,000 berserta dengan faedah dan kos tetapi menolak tuntutan perayu terhadap ganti rugi am bagi kehilangan tanggungan atas alasan bahawa perayu gagal membuktikan bahawa ia telah mengalami kehilangan tanggungan kewangan sebagai isteri. Ini kerana tidak ada keterangan bahawa perayu ada menerima apa-apa sumbangan daripada suaminya selepas mereka berkahwin. Beliau bergantung kepada kes *Muhamad bin Hashim v Teow Teik Chai & Anor* [1996] 4 MLJ 7 yang merujuk kepada kes *Chan Chin Ming & Anor v Lim Yoke Eng* [1994] 3 MLJ 233. Rayuan ini adalah terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang menolak tuntutan ganti rugi bagi kehilangan tanggungan sahaja.

[4] Di dalam kes *Mohamad bin Hashim v Teow Teik Chai & Anor*, perayu menuntut ganti rugi kerana kehilangan tanggungan daripada anak lelakinya yang meninggal dunia di dalam satu kemalangan jalanraya. Hakim mahkamah sesyen mendapati

responden 100% bertanggungan tetapi menolak tuntutan perayu terhadap ganti rugi bagi kehilangan tanggungan atas alasan bahawa perayu tidak bergantung kepada pendapatan si mati.

[5] la merujuk kepada penghakiman Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman (pada masa itu) yang menyatakan seperti berikut:

> To succeed on his claim for the loss of support, it was incumbent upon the appellant to prove financial loss he sustains as a dependent and not in any other way.

[6] Perayu telah membuat rayuan Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman (pada masa itu) telah membenarkan rayuan perayu untuk ganti rugi bagi kehilangan tanggungan atas alasan bahawa penemuan fakta oleh hakim mahkamah sesyen adalah tidak disokong oleh keterangan.

[7] Saya berpendapat hakim mahkamah sesyen telah bergantung semata-mata kepada bahagian penghakiman di atas tanpa mengambilkira apa yang dinyatakan oleh YA Pesuruhjaya Kehakiman pada ms 14 di mana beliau menjelaskan:

> The test is the direct benefit to the claimant, not vicarious, but the claimant need not prove he was dependent (contrary to proof that he was a qualified person) on the financial support. Nevertheless; the proof of indigent circumstances, and therefore a greater likelihood of dependence on the deceased, will give much truth to a claim of the support that was lost.

[8] Di dalam kes *Chan Chin Ming & Anor v Lim Yok Eng* [1994]3 MLJ 233, plaintif menuntut ganti rugi kerana kehilangan tanggungan akibat daripada kematian anak lelakinya yang masih bujang, di dalam satu kemalangan jalanraya. Salah satu isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah Agong (pada masa itu) ialah:

> Whether the sum of RM750 should be reduced by about half because the plaintiff spent only half of this sum on herself and the other half was spent on three other school going children of hers.

[9] Mahkamah Agong telah memutuskan bahawa di bawah s 7 Akta tersebut, orang-orang yang berhak menuntut kehilangan tanggungan dari si mati ialah isteri, suami, ibubapa dan anak sahaja, tidak termasuk adik beradik si mati. Oleh kerana plaintif hanya membelanjakan separuh sahaja daripada wang RM750 bagi dirinya dan separuh lagi adalah untuk perbelanjaan tiga orang anak-anak lain yang masih bersekolah (iaitu adik beradik si mati) maka ganti rugi kerana kehilangan tanggungan hendaklah dikurangkan daripada RM750 kepada RM375 sahaja.

[10] Saya telah membaca kes *Chan Chin Ming & Anor* dengan teliti dan mendapati bahawa Mahkamah Agong di dalam kes tersebut tidak ada memutuskan bahawa orang-orang yang berhak atau layak membawa tindakan di bawah s 7(2) Akta tersebut untuk menuntut gantirugi bagi kehilangan tanggungan mestilah membuktikan bahawa ia telah menerima bantuan kewangan daripada si mati sebelum kematiannya. Isu, sama ada plaintif di bawah s 7 Akta tersebut boleh

menuntut ganti rugi bagi kehilangan tanggungan kewangan jika ia tidak ada menerima bantuan kewangan daripada si mati sebelum kematiannya, tidak pernah dihujahkan atau diputuskan di dalam kes tersebut.

[11] Peguam perayu berhujah bahawa perayu adalah seorang tanggungan si mati di bawah s 7(2) Akta tersebut. Perkataan yang digunakan di dalam s 7(3) ialah 'loss of support suffered'. Jadi perayu telah mengalami kehilangan tanggungan akibat dari kematian suaminya. Tidak ada sebarang keterangan yang menunjukkan bahawa jika simati hidup, ia tidak akan menanggung isterinya. Peguam perayu seterusnya berhujah bahawa sebagai satu perundangan sosial, Akta tersebut hendaklah diberikan tafsiran yang liberal seperti yang dibuat di dalam kes *Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Bhd v Transport Workers Union* [1995] 2 MLJ 317.

[12] Peguam responden bersetuju bahawa perayu adalah orang tanggungan si mati dan di sisi undang-undang, si mati mempunyai obligasi menanggung perayu tetapi berhujah bahawa perayu tidak boleh dikatakan telah mengalami kerugian tanggungan kewangan hanya semata-mata terdapat hubungan perkahwinan tanpa mengemukakan keterangan bahawa perayu telah sebenarnya menerima bantuan kewangan sebelum kematian suaminya. la merujuk kepada kes *Yap Ami & Anor v Tan Hui Pang* [1982] 2 MLJ 316, Lee Han Hoe CJ pada ms 320 menyatakan:

> The mere existence of the relationship of husband and wife or parent and child is not enough to show pecuniary loss and does not even raise a presumption of such loss.

[13] Fakta di dalam kes tersebut adalah seperti berikut.

[14] Plaintif, iaitu isteri si mati dan wakil estet simati telah menuntut ganti rugi bagi orang-orang tanggungan si mati di bawah s 7 dan bagi pihak estet si mati di bawah s 8 Ordinan Undang-Undang Sivil 1956. Si mati sebelum kematiannya adalah seorang rakan kongsi di dalam satu syarikat di mana ia menerima RM3,450 sebulan, dan selepas kematiannya, amaun tersebut telah dibayar dan dinikmati orang-orang tanggungannya. Mahkamah Tinggi telah menolak tuntutan ganti rugi bagi kehilangan tanggungan atas alasan bahawa plaintif tidak mengalami kehilangan tanggungan kerana bahagian si mati di dalam syarikat tersebut telah dibayar kepada orang-orang tanggungannya selepas kematiannya. Rayuan plaintif telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan.

[15] Pada pandangan saya apa yang dinyatakan oleh YAA Lee Hun Hoe CJ di atas hendaklah dilihat dalam konteks fakta kes tersebut. Apa yang dimaksudkan oleh YAA Lee Hun Hoe CJ ialah bahawa kewujudan hubungan sebagai suami dan isteri atau sebagai ibubapa dan anak semata-mata adalah tidak mencukupi untuk menunjukkan terdapatnya kehilangan kewangan dan tidak boleh menimbulkan 'presumption' bahawa terdapat kehilangan kewangan. la bergantung kepada fakta-fakta sesuatu kes. Di dalam kes *Yap Ami & Anor*, isunya bukan kerana plaintif tidak boleh menuntut ganti rugi kerana kehilangan tanggungan. Isunya ialah sama ada plaintif telah mengalami kerugian kewangan kerana kehilangan tanggungan (loss of support) akibat daripada kematian si mati. Daripada fakta kes tersebut, mahkamah mendapati bahawa plaintif tidak mengalami kerugian kewangan kerana kehilangan tanggungan.

[16] Mahkamah Persekutuan di dalam kes di atas tidak pernah memutuskan bahawa plaintif mestilah membuktikan bahawa ia telah menerima bantuan kewangan dari si mati sebelum kematiannya. Ini dapat dilihat daripada apa yang dinyatakan oleh YAA Lee Hun Hoe CJ pada ms 320:

> The measure of damages is the pecuniary loss suffered by the defendants as a result of the death. The pecuniary loss is the actual benefit of which the dependants have in fact been deprived, whether the benefit was as a result of legal obligation or of what may reasonably have been *expected to take place in the future*. (Penekanan ditambah.)

[17] Begitu juga di dalam kes *Sykes v North Eastern Ry Co* 32 LT199; 36 Digest (Repl) 212, 1117. Di dalam kes tersebut, plaintif telah menuntut ganti rugi bagi kehilangan tanggungan akibat daripada kematian anaknya. Mahkamah telah menolak tuntutan tersebut atas alasan bahawa plaintif gagal menunjukkan keterangan bahawa ia memperolehi faedah kewangan daripada hubungannya di antara bapa dan anak. Ini kerana plaintif sendiri telah mengambil anaknya (si mati) sebagai pekerjanya dan telah membayar gaji kepada anaknya. Plaintif tidak bergantung kepada bantuan kewangan daripada anaknya semasa anaknya masih hidup. Sebaliknya, ia membayar gaji kepada anak yang bekerja dengannya.

[18] Di dalam kes rayuan di hadapan saya, perayu ada memberitahu mahkamah seperti berikut, 'Saya masih seorang balu. Sekarang saya sukar untuk tanggung diri sendiri kerana dulu ada bantuan dari suami'. Bantuan yang dimaksudkan ialah bantuan kewangan semasa perayu bertunang dengan si mati, sebelum mereka berkahwin. Hakim mahkamah sesyen telah menolak tuntutan ganti rugi bagi kehilangan tanggungan atas alasan bahawa tidak ada keterangan bahawa perayu ada menerima apa-apa sumbangan dari suaminya semasa perayu menjadi isteri. Mengikutnya, perayu, semasa pemeriksaan balas, mengaku bahawa ia belum sempat menjadi orang tanggungan kerana suaminya telah meninggal dunia.

[19] Setelah membaca rekod rayuan, saya mendapati kesimpulan yang dibuat oleh hakim mahkamah sesyen adalah bertentangan dengan keterangan perayu. Perayu, di dalam pemeriksaan semula ada menyatakan seperti berikut:

> Saya tak setuju suami tak menanggung saya kerana memang dia berikan duit kepada saya.

[20] Pada ms 15 rekod rayuan, perayu telah ditanya seperti berikut:

S: Cadangkan awak bukan orang tanggungan sebab awak kahwin satu hari saja?

J: Tak setuju.

[21] Peguam responden sendiri bersetuju bahawa perayu adalah orang tanggungan si mati.

[22] Di dalam kes ini terdapat keterangan dokumentari yang menunjukkan perayu ada menerima bantuan kewangan semasa perkahwinan, yang mana pihak-pihak telah terlepas pandang. Di dalam sijil perkahwinan perayu ada dinyatakan seperti berikut:

Mas kahwin: RM150.00

Belanja hantaran: RM1,000.00

Pemberian lain (jika ada): Cincin sebentuk.

[23] Profesor Ahmad Ibrahim, di dalam bukunya, *Family Law in Malaysia* (3rd Ed), di ms 208 telah menjelaskan makna 'mas kahwin' dengan merujuk kepada definasi 'mas kahwin' di dalam Undang-Undang Islam Wilayah Persekutuan, seperti berikut:

> 'Mas kahwin' is the obligatory marriage payment due under the hukum Syarak, by the husband to the wife at the time the marriage is solemnized, whether in the form of money actually paid or acknowledged as debt with or without security or in the form of something that, according to Hukum Syarak is capable of being valued in terms of money.

[24] Di dalam nota kaki pada mukasurat yang sama, Prof Ahmad Ibrahim menyatakan bahawa definasi yang sama terdapat di dalam Enakmen keluarga Islam negeri-negeri lain, kecuali Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kedah yang menggunakan perkataan 'dowry' bagi mas kahwin.

[25] Mas kahwin ini ialah perkataan dalam bahasa Melayu bagi is perkataan 'mahr' atau 'dower'. Dr Muhammad Taqi-ud-Din AI-Hilali (bekas Profesor Universiti Islam Madinah, Saudi Arabia) dan Dr Muhammad Muhsin Khan, di dalam buku, *The Noble Quran*, pada ms 110, menyatakan mahr adalah, 'bridal money given by the husband to his wife at the time of marriage'. Perkataan 'belanja hantaran' di dalam sijil perkahwinan tersebut tidak memerlukan penjelasan. Ia adalah wang yang diberikan kepada perayu sebagai perbelanjaannya.

[26] PW3 (ayah si mati) di dalam keterangannya mengesahkan bahawa duit hantaran dan maskahwin dibayar oleh si mati.

[27] Peguam perayu bersetuju bahawa perayu tidak boleh menuntut kehilangan tanggungan kewangan sebelum perkahwinannya tetapi fakta bahawa perayu sudah menerima bantuan kewangan sejak bertunang lagi adalah satu petunjuk bahawa perayu boleh menaruh harapan yang munasabah bahawa ia akan terus menerima bantuan kewangan selepas berkahwin, jika sekiranya suaminya tidak meninggal dunia.

[28] Saya berpendapat bahawa perayu, sebagai isteri si mati, adalah seorang yang layak di bawah s 7(2) Akta tersebut untuk menuntut gantirugi bagi kehilangan tanggungan di bawah s 7(3) Akta yang sama. la tidak hilang kelayakannya semata-mata kerana ia tidak dapat mengemukakan bukti bahawa ia telah menerima bantuan kewangan sebelum suaminya meninggal dunia. Persoalannya ialah sama ada perayu telah mengalami kehilangan tanggungan selepas dan akibat kematian suaminya dan bukan sebelum kematian suaminya.

[29] Saya berpendapat bahawa tidak ada pra-syarat di dalam s 7 Akta tersebut yang menyatakan bahawa seseorang orang tanggungan yang layak menuntut ganti rugi

bagi kehilangan tanggungan hendaklah membuktikan bahawa ia telah menerima bantuan kewangan daripada si mati, sebelum kematiannya. Amaun yang diterima oleh perayu, jika ada, selepas menjadi orang tanggungan sebelum kematian suaminya, hanyalah relevan bagi tujuan taksiran ganti rugi sahaja. Bagaimanapun seseorang orang tanggungan itu tidak berhak secara automatik untuk mendapat ganti rugi bagi kehilangan tanggungan berikutan dengan kematian si mati, semata-mata kerana wujudnya hubungan kekeluargaan di antara suami dengan isteri, atau ibubapa dengan anak (lihat *Yap Ami & Anor v Tan Hui Pang*). la bergantung kepada fakta sesuatu kes dan sama ada terdapat keterangan bahawa orang tanggungan telah mengalami kehilangan tanggungan akibat daripada kematian si mati. Di dalam rayuan ini, perayu telah memberi keterangan bahawa ia adalah orang tanggungan si mati, si mati memang menanggungnya dan selepas kematiannya ia sukar menanggung dirinya. Adalah jelas kepada saya bahawa perayu telah mengalami kehilangan tanggungan.

[30] Fakta di dalam kes *Yap Ami & Anor v Tan Hui Pang* dan *Sykes v North Eastern Ry Co* adalah berbeza. Di dalam kes-kes tersebut terdapat keterangan bahawa plaintif tidak mengalami kehilangan tanggungan akibat daripada kematian si mati. Jika s 7 Akta tersebut ditafsirkan sebaliknya, keterangan di dalam kes ini menunjukkan bahawa perayu ada menerima bantuan kewangan semasa perkahwinannya dengan si mati.

[31] Berdasarkan kepada alasan di atas, rayuan perayu untuk tuntutan ganti rugi bagi kehilangan tanggungan kewangan adalah dibenarkan dengan kos.

Taksiran ganti rugi

[32] Di dalam kes ini, hakim mahkamah sesyen tidak ada membuat taksiran ganti rugi sementara ('provisional') bagi kehilangan tanggungan yang sepatutnya dibuat olehnya. Jadi ia perlu diputuskan di dalam rayuan ini.

[33] Mengikut majikan si mati (PW1), si mati bekerja sebagai penjaga stor dengan gaji sebanyak RM650 sebulan. Pendapatan bulanannya setelah dicampur kerja lebih masa dan elaun ialah lebih kurang RM830. Bagaimanapun mengikut surat daripada majikannya dan baucer slip gaji si mati yang dikemukakan sebagai eksh P2 dan eksh P3 gaji si mati iaiah sebanyak RM600 sebulan. Caruman bulanan kepada KWSP iaiah RM60. Jadi gaji bersih bulanan ialah RM540. la juga membuat kerja lebih masa dan pendapatan bulanannya daripada kerja lebih masa adalah tidak tetap dan berubah-ubah. Purata pendapatan daripada kerja lebih masa ialah RM44.80 sebulan (RM224 = lima bulan). Saya tidak mengambilkira bayaran kepada KWSP daripada pendapatan kerja lebih masa kerana amaun carumannya adalah kecil iaitu antara RM2-RM10 sahaja sebulan. Plaintif ada menerima bonus tahunan. Bagi tahun 1993, ia menerima bonus sebanyak RM600 dan setelah ditolak caruman kepada KWSP sebanyak RM60, purata bulanan bonus si mati ialah 5 RM45 (RM540 + 12).

[34] Jumlah pendapatan bersih bulanan setelah dicampur dengan pendapatan kerja lebih masa sebanyak RM44.80 sebulan dan bonus sebanyak RM45 sebulan ialah RM629.80. Perbelanjaan si mati sebelum berkahwin adalah seperti berikut:

A

(a) RM200 bagi sewa bilik;

(b) RM200 bagi perbelanjaan 'courting';

(c) RM400 untuk perbelanjaan makan dan sewa bilik tunang.

B

[35] Mengikut bapa si mati (PW3), anaknya ada memberikan kepadanya lebih kurang RM400 sebulan. Jika ia tak ada duit ia beri kurang daripada RM200 sebulan. Anak-anak PW3 yang lain tidak ada memberi wang kepadanya oleh kerana mereka telah berkahwin.

C

[36] Si mati memberinya wang sebab ia belum berkahwin. Apabila disoal bahawa si mati tidak akan menanggungnya apabila ia telah berkahwin, PW3 menjawab, 'mungkin'.

[37] Si mati memberinya wang sebab ia belum berkahwin. Apabila disoal bahawa
D si mati tidak akan menanggungnya apabila ia telah berkahwin, PW3 menjawab, 'mungkin'.

[38] Peguam perayu berhujah bahawa amaun bantuan kewangan oleh si mati (jika ia masih hidup) kepada bapanya akan berkurangan atau terhenti selepas ia berkahwin
E (lihat *Chan Chin Ming & Anor*). Ia mencadangkan perayu mengalami kehilangan tanggungan kewangan lebih kurang RM250 sebulan. Si mati berumur 26 tahun pada tarikh kemalangan. Oleh itu, multiplier ialah 16 tahun. Memandangkan perayu masih muda (21 tahun) dan mempunyai harapan untuk berkahwin semula, peguam perayu mencadangkan pengurangan satu pertiga (1/3), iaitu lebih kurang lima tahun
F daripada multiplier 16. Jadi setelah ditolak 1/3 daripada 16, multiplier ialah lebih kurang 11 tahun. Daripada 11 tahun itu, kehilangan sebelum perbicaraan (pretrial loss) ialah empat tahun dan selepas perbicaraan (post trial loss) ialah tujuh tahun.

[39] Pada lazimnya, seseorang yang telah berkahwin dan mempunyai tanggungjawab langsung kepada isterinya, akan mengubah gaya hidupnya dan
G merancang semula perbelanjaannya sesuai dengan pendapatan dan tanggungjawabnya yang baru. Ini bermakna corak perbelanjaan si mati (jika ia hidup) akan berubah: Perbelanjaan untuk sewa tempat tinggal mungkin bertambah. Bantuan kewangan kepada bapanya akan berkurangan atau akhirnya dihentikan. Perbelanjaannya sebanyak RM200 sebulan sebagai seorang bujang mungkin perlu
H dikurangkan. Selepas berkahwin, si mati tidak lagi perlu berbelanja untuk 'courting' atau menyewa bilik berasingan daripada isterinya.

[40] Adalah sukar untuk membuat penilaian yang objektif mengenai perbelanjaan bulanan seseorang. Apa yang dapat dilakukan ialah membuat anggaran yang
I dijangkakan munasabah berdasarkan kepada fakta sesuatu kes. Pada hemat saya, anggaran perbelanjaan bulanan suami perayu, jika ia tidak meninggal dunia, adalah dalam lingkungan berikut:

Gaji....

RM629.00

Tolak

(i) sewa.

RM350.00

(ii) perbelanjaan diri.

RM100.00

(iii) bantuan kepada bapa.

RM100.00

Baki RM79.00

(tidak termasuk elaun pengangkutan sebanyak RM180.00 sebulan)

[41] Si mati mempunyai prospek untuk dinaikkan pangkat dengan gaji RM1,200 sebulan dan dengan itu bonus tahunannya juga mungkin bertambah. Setelah mengambilkira semua faktor-faktor di atas saya berpendapat anggaran gaji bersih bulanan sebanyak RM100 adalah lebih munasabah dan berpatutan berbanding dengan RM250 seperti yang dicadangkan oleh peguam perayu.

[42] Atas asas multiplier 11 tahun dan gaji bersih RM100 sebulan kehilangan tanggungan kewangan ialah: RM100 x 12 bulan x 11 = RM 13,200.

[43] Tempoh kehilangan pra-perbicaraan (pretrial loss) ialah empat tahun (dari tarikh kematian - keputusan hakim mahkamah sesyen) dan kehilangan selepas perbicaraan (post trial loss) ialah tujuh tahun. Oleh itu kehilangan tanggungan kewangan pra-perbicaraan ialah RM4,800 (RM 100 x 12 bulan x 4 tahun). Faedah yang dibenarkan ialah: 4% setahun dari tarikh kematian sehingga tarikh penghakiman oleh hakim mahkamah sesyen. Kehilangan selepas perbicaraan ialah RM8,400 (RM100 x 12 bulan x 7 tahun). Sebagaimana dipersetujui oleh pihak-pihak, faedah atas kadar 8% setahun hendaklah dibayar ke atas keseluruhan amaun ganti rugi kehilangan tanggungan kewangan dari tarikh penghakiman hingga penyelesaian penuh.

Rayuan perayu dibenarkan.

Reported by Sally Kee